

1039

YAHYA BIN MUBARAK AL YAZIDI PERAWI MASYHUR QIRAAT SYAZ

Muhammad Fairuz A. Adi, Shaharuddin Saad, Muhammad Syafee salihin Hasan

Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor

fairuz@kuis.edu.my

ABSTRAK

Al-quran mesti dibacakan dengan wajah mutawatir disamping mencukupi dua rukun lain iaitu sepadan dari segi penulisan mashaf (rasm) dan mempunyai kaedah dalam bahasa arab. Imam Yahya bin Mubarak al-Yazidi telah direkodkan sebagai salah seorang tokoh dalam lapangan ilmu qiraat, namun nama beliau dikategorikan sebagai ulama yang popular dalam periyawatan qiraat syaz. Dalam kertas kerja ini, penulis ingin memperkenalkan tokoh yang dimaksudkan di atas serta membawa contoh-contoh wujuh al-qiraat yang diriyayatkan oleh beliau kepada masyarakat. Penulis juga akan mengkategorikan kemudian membandingkan wujuh al-qiraat yang diriyayat oleh beliau dengan bacaan yang disahkan mutawatir oleh imam al-Jazari sebagai rujukan. Penulisan ini diharapkan dapat memberi input dan idea baru kepada pengkaji dan pelajar dalam bidang ulum al-quran.

Keyword: Al-Yazidi, Al-Mubarak, Qiraat Syaz, Riwayat,

1. PENGENALAN

Periwayatan bacaan qiraat dan al-Quran merupakan satu tradisi islam yang unik bahkan lafaz-lazaf al-Quran mesti diambil dari jalan periyawatan. Ianya tidak boleh dipelajari sendiri melalui semata-mata pembacaan dari mushaf atau mendengar dari video atau perakam audio. Ianya perlu melalui seseorang yang mahir dalam riwayat qiraat atau dipanggil sebagai guru. Kerana setiap lafaz quraniyyah itu perlu dipantau, diperbetulkan dan disahkan oleh guru. Jalan periyawatan juga terjadi pada qiraat-qiraat yang tergolong dalam qiraat syaz. Untuk makluman pembaca, sanad-sanad qiraat syaz masih lagi berterusan hingga zaman ini seperti yang diperkatakan oleh Abdul Fattah al-Qadhi dalam karyanya *al-Qiraat al-syazzah wa tawjihiha min lughat al-Arab*. Penulisan kertas kerja ini membincangkan tentang pengenalan ringkas qiraat syaz dan salah seorang tokoh besar dalam qiraat syaz berserta riwayat qiraat dari salah seorang imam dalam qiraat syaz iaitu imam Yahya al-Mubarak.

2. PENGENALAN QIRAAT SYAZ

Qiraat syaz dari sudut bahasa syaz membawa maksud: Bersendirian. Dari segi istilah: Qiraat yang telah gugur salah satu atau kesemua rukun qiraat mutawatir. Berdasarkan definisi di atas dapatlah kita fahami bahawa qiraat syaz merupakan qira'at yang berlawanan dengan qiraat mutawatir. Manakala qiraat mutawatir itu mempunyai tiga rukun yang berikut:

- i. Menepati bahasa arab sekalipun dari satu sudut.
- ii. Bertepatan dengan salah satu dari Mushaf Uthmani.
- iii. Sanad qiraat tersebut sahih.

Ini sebagaimana kata al-Imam Ibn al-Jazari Rahimahullah: Setiap qiraat yang bertepatan dengan bahasa arab sekalipun pada satu sudut, menepati salah satu dari mushaf-mushaf uthmani sekalipun secara ihtimal, serta sahih sanadnya maka ia merupakan qiraat yang tepat dan tidak boleh untuk kita menolaknya. (Ibn al-Jazari, t.th, 1/9)

Kata al-Syeikh Abu Syaamah Rahimahullah: Apabila terdapatnya kekurangan pada salah satu dari tiga rukun ini (tidak mencukupi salah satunya) maka dikatakan kepada qiraat tersebut sebagai qiraat yang syaz. (Badr al-Din, 1992, 2/ 222)

3. QIRAAT SYAZ DAN CABANGNYA

Qiraat syaz adalah qiraat yang telah gugur salah satu atau kesemua rukun qiraat yang telah disepakati oleh majoriti ulama iaitu mutawatir, bertepatan dengan salah satu kaedah Bahasa arab dan bertepatan dengan salah satu *masahif uthmaniah*. sekirang sesuatu kalimah quraniyyah tidak menepati salah satu atau kesemua rukun yang disebutkan diatas dikira sebagai kategori syaz. Abdul Karim (t. th, 6) menjelaskan bahawa terdapat empat cabang qiraat syaz iaitu:

- i. Qiraat yang menepati rasm uthmani dan sah dari segi bahasa tetapi tidak sah pada periwayatan. Antara contoh untuk kategori ini adalah qiraat abu Sammal pada firman Allah SWT surah Yunus: 92:

فَالْيَوْمَ نُنْجِيَكُ بِبَدَنَكُ لِتَكُونَ لِمَنْ خَلَقَ ءَايَةً وَإِنْ كَثِيرٌ مِّنَ النَّاسِ عَنِ ءَابِيَتِنَا^{٩٢}
لَغُلْفُونَ

Terdapat riwayat qiraat yang membaca kalimah (ننجيك) dengan menukarkan huruf *jim* kepada huruf *ha* (نحيك)

- ii. Qiraat yang sah dari segi rasm uthmani serta mempunyai sanad yang sanad tetapi tidak menepati mana-mana kaedah Bahasa arab. Sebagai contoh satu riwayat dari ibn Kharijah (معايش) (ma'aish) dibaca dengan (معاش) pada firman Allah SWT surah al-A'raf:10 iaitu:

وَأَقْدَرَ مَكْنُوكْ فِي الْأَرْضِ وَجَعَلَنَا لَكُمْ فَلِيلًا مَّا تَشَكُّرُونَ ١٠

- iii. Qiraat yang sah dari segi riwayat dan menepati kaedah Bahasa arab tetapi menyalahi rasm uthmani. Sebagai contoh qiraat yang disandarkan kepada saidina Umar al Khattab RA pada firman Allah SWT surah al-Jumaah ayat 9:

يَأَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا إِذَا نُودِي لِلصَّلَاةِ مِنْ يَوْمٍ أَلْ جُمُعَةَ فَلَمْ يَعْوَدُوا إِلَى ذَكْرِ اللَّهِ وَذَرُوا أَلْبَيْعَ دَلِكْمَ حَيَرَ لَكُمْ إِنْ كُنْتُمْ تَعْلَمُونَ ٩

Pada perkataan (فاسعوا) dalam ayat di atas, ada riwayat yang disandarkan pada saidana Umar RA dengan sebutan (فاصموا).

- iv. Kategori yang ke empat pula adalah, qiraat dari segi zahirnya sah pada kaedah yang terdapat dalam bahasa arab dan menepati Rasm Uthmani tetapi tidak mempunyai riwayat dari Nabi SAW. Dengan makna lain qiraat yang dicipta oleh manusia. Kebiasaan qiraat jenis ini adalah hasil dari pendapat-pendapat dari ilmuwan nahu di mana terdapa sebahagian dari mereka mengharuskan bacaan-bacaan yang hanya menepati kaedah nahu dan rasm walaupun qiraat tersebut tidak mempunyai riwayat dari Rasulullah SAW.

4. HUKUM MEMBACA QIRAAT SYAZ DI DALAM SOLAT

Terdapat banyak percanggahan pendapat antara ulama dalam menentukan hukum membaca qiraat syaz di dalam solat. (al-Hadi Qabah, 1999, 209) meringkaskan hukum bacaan qiraat syaz kepada tiga pendapat iaitu:

Harus membaca qiraat syaz dalam solat. Pendapat ini merupakan salah satu pendapat dari *ashab al-Shafie*, imam Abu Hanifah, imam Malik dan imam Ahmad. Mereka berpendapat bahawa para sahabat telah membaca dengan *huruf* ini di dalam solat pada zaman Nabi Muhammad SAW dan solat mereka sah tanpa syak.

Tidak harus membaca qiraat syaz dalam solat menurut sebahagian besar ulama. Mereka berpendapat bahawa qiraat ini tidak menepati rukun periyawatan yang sah dari Nabi Muhammad SAW. Walaupun ianya bersumber dari baginda, tetapi ia telah dihapuskan ketika semakan kali terakhir Nabi Muhammad SAW dengan saidina Jibril AS. Dengan terhapusnya bacaan tersebut dalam semakan Rasulullah SAW bersama Jibril AS, maka ia tidak lagi dikira sebagai al-Quran.

Pendapat yang ketiga adalah pendapat yang pertengahan iaitu mereka jika sekiranya seseorang itu membaca surah wajib iaitu al-Fatiyah dengan bacaan syaz, maka ia tidak diharuskan. Dengan alasan bahawa sesuatu yang wajib perlu kepada riwayat yang meyakinkan dengan kata lain mutawatir. Jika qiraat syaz dibaca pada surah yang sunat maka ia dikira harus.

Empat Imam Paling Masyhur Dalam Periyawatan Qiraat Syaz.

Dalam lapangan ilmu qiraat hanya empat individu disebut sebagai imam yang popular dalam periyawatan Qiraat Syaz. Qiraat syaz yang terdapat dalam pelbagai penulisan ulama, tidak kira dalam bidang apa sekalipun, dinisbahkan kepada empat individu ini. Bahkan sanad qiraat mereka masih lagi bersambung hingga ke zaman kita ini (al-Hadi Qabah, 1999, 207):

- v. Al-Hasan al-Basri (110H)
- vi. Muhammad bin Abdul Rahman bin Muhaysin (123H)
- vii. Yahya bin Mubarak al-Yazidi (202H)
- viii. Sulaiman bin Mahran al-A'Masy (148H)

Imam Yahya Bin Mubarak al-Yazidi

Dalam kertas kerja ringkas ini, penulis hanya memperkenal seorang sahaja dari empat imam qiraat syaz yang di sebutkan sebelum ini iaitu imam Yahya al-Yazidi. Nama beliau adalah Yahya bin al Mubarak bin bin al mughirah al-Adawi al-Basri, lebih dikenali sebagai al-Yazidi. *Kuniyah* beliau abu Muhammad. Dilahirkan pada tahun 128 hijriyyah ketika pemerintahan Khalifah Marwan bin Muhammad. (Qastalani, T.th. 182). Beliau merupakan seorang ilmuwan dalam Bahasa arab dan ilmu berkaitan dengannya. Dalam bidang ilmu al-Quran dan al-Qiraat pula, beliau dikenali sebagai salah seorang imam yang masyhur dalam periyawat qiraat syaz. (Husari, 1965. 89) Yahya al-Yazidi mengambil bacaan *qiraat* secara langsung dari imam imam Abu Amru al-Basri iaitu dan imam Hamzah al-Kufi di mana kedua-dua imam tersebut merupakan imam *qiraat* yang menjadi rujukan umat manusia hingga harini, dan beliau juga mendengar bacaan dari Abdul Malik bin Juraij. Diceritakan oleh ibn khallikan bahawa Yahya al-Yazidi sangat disayangi oleh imam Abu Amru al-'Ala dengan kecerdikan dan ketajam akalnya. Bapa Yahya al-Yazidi merupakan rakan baik kepada imam Abu Amru, Beliau menghantar Yahya al-Yazidi ketika masih kecil supaya mempelari ilmu-ilmu agama dengan Abu Amru seterusnya mengambil bacaan al-Quran dengan beliau.

Dari segi ilmu Bahasa arab pula dan ilmu-ilmu yang berkaitan dengannya, imam Yahya al-Yazidi mendalami ilmu tersebut dari Imam Abu Amru al Ala' dan imam Khalil bin Ahmad. Menurut ibn Khallikan, Yahya al-Yazidi menyalin ilmu-ilmu yang dipelarinya kedalam hampir 10 jilid

buku bersamaan 10 ribu helai muka surat, di mana kebanyakannya adalah ilmu yang beliau ambil dari Abu Amru al-Basri. (Khalikan, 1989. 184)

Yahya al-Mubarak merupakan guru khas kepada keluarga khalifah al-Mahdi ketika itu. Beliau bersahabat baik dengan Yazid bin Mansur al-Yazidi al-Himyari, Beliau juga ditugaskan untuk mendidik anak-anak Yazid. Keaqraban Yahya al-Mubarak dengan yazid sehingga yahya mendapat nisbah “al-Yazidi” pada namanya sehingga di gunapakai pada keturunanya. Pada zaman pemerintahan khalifah Harun al-Rasyid pula, beliau bersama imam al-Kisai dilantik menjadi guru dan pakar rujuk dalam bacaan al Quran. Dalam masa yang sama Yahya al-Mubarak dan al-Kisai ditugaskan meriwayatkan bacaan Imam Abu Amru dan imam Hamzah kepada anak-anak harun al-Rasyid. (Khalikan, 1989. 6,183)

Yahya al-Mubarak meninggal dunia di Moro (satu kawasan yang terletak di negara Turkmenistan atau Afghanistan) pada tahun 202 hijrah pada usia beliau tujuh puluh empat (74) tahun, ada riwayat yang mengatakan beliau meninggal dunia pada usia lebih sembilan puluh tahun atau hampir usianya sembilan puluh (90) tahun.

Beliau meninggal lima orang cahaya mata di mana kesemuanya mewarisi keilmuan ayah mereka Yahya al-Yazidi. Kesemua mereka adalah dalam kalangan ulama yang hebat dalam lapangan Bahasa arab. Mereka menguasi ilmu *adab*, menjadi penyair, *ruwat al akhbar* dan kesemuanya mempunyai karya yang tersendiri dalam bidang Bahasa dan Arab. (Khalikan, 1989. 184)

Yahya al-Yazidi secara total mempunyai 25 orang perawi dalam qiraatnya termasuk empat orang anaknya serta seorang cucu iaitu (al-Husari, 1965, p. 90):

- i. Empat orang anaknya iaitu:
- ii. Muhammad bin Yahya
- iii. Abdullah bin Yahya
- iv. Ibrahim bin Yahya
- v. Ismail bin Yahya
- vi. Ishaq bin Yahya
- vii. Ahmad Bin Muhammad (Cucu Yahya Al Yazidi)
- viii. Abu Amru al Duri
- ix. Abu Syuaib al Susi
- x. Abu Hamidun al Tayyib Bin Ismail
- xi. Amir Bin Umar al Musili
- xii. Abu Khallad Sulaiman Bin Khallad
- xiii. Muhammad Bin Sa'adan
- xiv. Ahmad Bin Jubayr
- xv. Muhammad Bin Syuja'
- xvi. Abu Ayyub Sulaiman Bin al Hakim
- xvii. Ahmad Bin Wasil
- xviii. Muhammad Bin Umar al-Rumi
- xix. Al Jassas Bin al-Asy'ath
- xx. Jaafar Bin Hamdan
- xxi. Abu Hamzah al-Wa'iz

- xxii. Ibrahim Bin Hammad
- xxiii. Isam Bin al Asy'ath
- xxiv. Abu al Harith al Laith Bin Khalid
- xxv. Ubaidillah Bin Abdullah al-Dharir
- xxvi. Nasr Bin Yusuf al-Nahw
- xxvii. Abu Ubayd al Qasim Bin Sallam
- xxviii. Sulaiman bin al-Hakam
- xxix. Ahmad bin Farh

Perawi Yahya Bin Mubarak Untuk Riwayat Abu Amru (Riwayat Mutawatir) Ibn siwar (Ibn Siwar, 2005) telah menyusun perawi bagi al-Yazidi dengan mengkategorikannya kepada dua bahagian iaitu perawi bagi bacaan Abu Amru dan perawi bagi ikhtiyar Yahya al-Yazidi sendiri. Bacaan Abu Amru tersebar luas melalui riwayat al-Yazidi melalui sembilan orang iaitu:

- i. Abu Umar Hafs al-Duri
- ii. Abu Syuaib al-Susi
- iii. Jaafar bin Ahmad Sajaadah
- iv. Abu Khallad Salman bin Khallad
- v. Abu Ayyub al-Khayyat
- vi. Amir bin Umar Auqiah
- vii. Muhammad bin Saa'dan
- viii. Abu Hamidun al Tayyib bin Ismail
- ix. Abdullah bin Muhammad al-Yazidi

Sembilan nama di atas ni mengambil riwayat Abu Amru melalui Yahya al-Yazidi secara lansung. Setiap dari mereka pula mempunyai murid masing-masing yang menjadi periwayat kepada bacaan Imam Abu Amru.

Perawi Yahya Bin Mubarak Untuk *Ikhtiyar* Beliau (Riwayat Syaz)

Dalam perbicangan periwayatan qiraat, kebiasaanya tidak lari dari menyenaraikan dua perawi yang paling konsisten dengan bacaan gurunya. Seperti yang dicatat dalam karya-karya periwayatan qiraat, terdapat dua nama yang menjadi perawi masyhur bagi bacaan (ikhtiyar) yang dibawa oleh Yahya al-Yazidi. Tiga individu tersebut adalah seperti di bawah (Jazari, 1971, 1. 283):

Sulaiman bin Ayub bin al Hakam, Abu Ayyub al-Khayyat al Baghdadi
Megambil bacaan al-Quran secara lansung dari Yahya al-Yazidi, ada riwayat mengatakan dia mengambil bacaan al-Quran dari anak Yahya al-Yazidi iaitu Abdullah al-Yazidi. Beliau turut mengajar bacaan yang diambil dari Yahya al-Yazidi kepada murid beliau, antara nama yang disebutkan adalah Ahmad bin Harb al-Ma'dal, Ishaq bin Makhlad al Daqqaq, al-Fahdl dan Ali bin Ahmad bin Marwan, Bakr bin Ahmad, sirri bin Mukram dan Abdullah bin Kathir.
Beliau meninggal dunia pada tahun 235 hijriyyah.

Ahmad bin Farh bin Jibril Abu Ja'far al-Dharir al-Baghdaadi.

Seorang ahli tafsir. Beliau tidak mengambil riwayat qiraat dari Yahya al-Yazidi secara bersemuka. Beliau mengambilnya melalui Hafs al-Duri dan Sulaiman bin al Hakam. Beliau juga megambil bacaan al-Quran dari beberapa orang guru lagi iaitu, Abd al-Rahman bin Waqid, al Bazzi dan Amr bin Shabh. Beliau juga turut membacakan riwayat yang diambil dari Hafs al-Duri

kepada murid-murid beliau yang ramai. Penulis hanya menyebutkan sebahagian sahaja antaranya ialah, Ahmad bin Muslim, Ahmad bin Abd Rahman al-Daqqaq, Ibn Mujahid, Abu al-Hasan al-Shanabuz dan ramai lagi.

Beliau meninggal dunia pada usianya hampir 90 tahun, bulan zul hijjah tahun 303 hijriyyah atau ade pendapat mengatakan pada tahun 303 hijriyyah.

3. KARYA-KARYA YAHYA AL-YAZIDI

Sumber rujukan berkenaan dengan biodata imam Yahya al-Yazidi menyatakan bahawa ada mempunyai beberapa karya, tetapi yang disebutkan hanya iaitu:

- i. Kitab al-Nawadir
- ii. Kitab al-Maqsur wa al-Mamdu
- iii. Al Nakt wa al-Syakl
- iv. Al Mukhtasar fi al-Nahw
- v. Pujian Ulama Terhadap Imam Yahya Bin Mubarak al-Yazidi
- vi. Imam al-Dhahabi menyatakan bahawa Yahya al-Yazidi seorang yang dipercayai ilmunya, fasih dan sangat mahir dalam ilmu adab dan Bahasa arab (al-Husari, 1965, 14).

Ibn al-Munadi berkata:

Aku telah banyak bertanya kepada ilmuwan bahasa arab, hadis, muqri berkenaan pandangan mereka tentang Yahya al-Mubarak. Mereka berkata bahawa Yahya al-Yazidi adalah *thiqah* dan *suduq*, tidak salah mengambil riwayat darinya dan tidak lari dari beliau kecuali beberapa pendangan Yahya yang cenderung pada mazhab Muktazilah. (Jazari, 1971, 2/328)

Ibn Khalikan dalam rekodnya menyatakan bahawa Yahya al-Yazidi dalam seorang yang dipercayai ilmunya, seorang qurra yang alim dan fasih dalam bahasa Arab. Beliau mempunyai banyak karya yang baik dan mempunyai syair-syair yang dibukukan. (Khalikan, 1989, 6/183)

Ibn mujahid berkata:

Sesungguhnya kami bergantung kepada kepada riwayat Yahya walaupun ramai *ashab* Abu Amru yang lebih hebat darinya kerana Yahya begitu tekun dan focus pada riwayat Abu Amru tanpa menyibukkan diri dari riwayat qiraat lain lebih-lebih lagi Yahya adalah yang paling *dobid* di antara *ashab* Abu Amru. (Jazari, 1971, 328)

Perbezaan Bacaan Yahya Al-Yazidi (Syaz) Dengan Abu Amru (Mutawatir)


Hanya terdapat 14 tempat ikhtiyar Yahya al-Yazidi yang berlawanan dengan apa yang beliau ambil dari imam Abu Amru (Khayyat, 1405, 120). Ikhtiyar atau bacaan pilihan beliau telah dikategorikan dalam kategori qiraat syaz. Perbezaan bacaan yang dimaksudkan adalah seperti di bawah ini:


Bil.	Kalimah Qiraat	Riwayat Yahya Al-Yazidi	Riwayat Abu Amru
1	بَارِئُكُمْ	مَكْسُوْرَةُ الْهَمْزَةُ	بِالْإِسْكَانِ وَالْخَتْلَاسِ
2	وَيَأْمُرُكُمْ	بِإِسْبَاعِ ضَمَّ الرَّاءِ	بِالْإِسْكَانِ وَالْخَتْلَاسِ
3	لَمْ يَتَسْنَهْ	بِغَيْرِ هَاءِ فِي الْوَصْلِ	بِالْأَثْبَاتِ الْهَاءِ وَصْلًا

4	فبهدهم اقتده	بغير هاء في الوصل	بالاثبات الهاء وصلا
5	يوم ترجعون	ضم التاء	فتح التاء
6	يؤده، نؤته، نصله	كسر الهاء وإشباعها	بالإسكان الهاء
7	خلقكم، رزقكم، طلقن	بالإظهار	بالإدغام
8	لقد جئت	بالإظهار	بالإدغام
9	قالوا معذرة	بالنصب	بالضم
10	عزيز ابن الله	بالتنوين	بدون التنوين
11	يوم ينفح	بالياء المضمة	بالنون المفتوحة
12	خافضة رافعة	بالنصب فيهما	بالضم
13	بما أتاكم	بالمد	بالقصر
14	داود زبورا	بالإظهار	الإظهار / الإدغام

4. PENUTUP

Lampiran berikut menunjukkan Sanad Ringkas Riwayat Abu Amru melalui Yahya al-Yazidi dan Sanad Ringkas Riwayat Abu Amru Melalui Perawi yang lain:





Tidak dinafikan bahawa nama dan sumbangan imam Yahya al-Yazidi dalam bidang periyawatan qiraat harus diberi perhatian oleh pengkaji dan pelajar yang mendalamai bidang ilmu qiraat. Kehebatan dan jasa beliau dalam periyawatan qiraat khususnya dalam mengembangkan bacaan muatawatir bagi imam Abu Amru al-Basri tidak boleh dipanjang ringan Kajian-kajian mengenai Yahya al-Yazidi serta karya penulisan beliau perlu dirancakkan. Semoga jasa imam Yahya al-Yazidi dalam bidang ilmu al-Quran dan al-Qiraat diberi ganjaran yang besar di sisi Allah S.W.T.

5. RUJUKAN

Al-Quran al-Karim MS Word Ver. 2.2

Abdullah bin Ali, S. a.-K. (1405H). *kitab al-Mubhaj fi Qiraat al-Thaman*. Saudi Arabia: Jamiah Imam Muhd bin Saud.

al-Hadi Qabah, A. h. (1999). *al-Qiraat al-Quraniyyah*. Beirut: Dar al-Gharb al-Islami.

al-Suyuti, J. a.-D. (2000). *al-Itqan fi Ulum al-Quran*. Beirut: Dar ibn kathir.

Badr al-Din, a.-Z. (1992). *al-Bahr al-Muhit fi Usul al-Fiqh*. Kuwait: Wizarat al-Awqaf.

Husari, H. a. (1965). *Ahsan al Athar fi Tarikh al Qurra al Arba' Asyar*. cairo.

Ibn al Jazari, M. b. (1971). *Ghayah al Nihayah*. Beirut: Dar al Kutb al Alamiah.

Ibn al-Jazari, M. b. (t.th). *al-Nashr fi al-Qiraat al-Ashr*. Beirut: Dar al-Kutb al-Alamiyah.

- Ibn Siwar, A. T. (2005). *al Mustanir fi al QIraat al Asyar*. Dubai: Dar al Buhuth li al DIrasat al Islamiyyah wa Ihya al Turath.
- Khallikan, I. (1989). *Wafiat al-A'yan wa Anba' Abna al-Zaman*. Beirut: Dar al-Sadir.
- Khayyat, A. b. (T.th). *al Mubhaj*. Saudi Arabia.
- Qastalani, A. b. (T.th). *Lataif al Isyarat li Funun al Qiraat*. Makkah: Majma' al Malik Fahd li Tiba'ah al Mushaf al Syarif.
- Saleh, A. I. (t.th). *Mursyid al-A'izzah fi Bayan Mawqif al-Ulama min al-Qiraat al-Syazzah*. Markaz Ibda'li al-Taba'ah.